

Rujukan Kami: (38) MBPJ/090100/T/A6 Jld.10  
Tarikh: 25 Januari 2012

## KENYATAAN AKHBAR

## UNTUK SIARAN SEGERA

Pengarang Berita,

Harian Metro,  
Tingkat 4, Balai Berita  
31, Jalan Riong, Bangsar  
59100 Kuala Lumpur.

Tuan,

### **MAKLUMBALAS LAPORAN AKHBAR BERTAJUK “PERSIMPANGAN HURU-HARA”**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada artikel bertajuk “**PERSIMPANGAN HURU-HARA**” yang telah disiarkan dalam akhbar **HARIAN METRO**, muka surat 2 bertarikh **25 Januari 2012** adalah berkaitan.

Pihak Majlis ingin menjelaskan bahawa persimpangan di PJS 8/5 dan PJS 8/8 Dataran Mentari, Sunway merupakan salah sebuah kawasan yang sibuk terutamanya pada waktu-waktu kemuncak.

Keadaan ini berlaku apabila meningkatnya jumlah kenderaan pada setiap hari dan deretan kedai-kedai baru yang beroperasi di kawasan tersebut juga menjadi penyumbang terhadap kesesakan lalulintas di kawasan itu.

Untuk makluman, kesesakan lalulintas di kawasan tersebut juga terjadi apabila jalan di PJS 8/5 dan PJS 8/8 dijadikan sebagai jalan pintas oleh pengguna jalan raya untuk memasuki ke Lebuhraya yang berhampiran.

Pihak Majlis amat prihatin dengan situasi tersebut dan telah pun mengambil langkah awal dengan membina bonggol yang berhampiran. Tujuan utama pembinaan bonggol tersebut adalah untuk memperlahangkan kenderaan yang lalu lalang di kawasan itu. Sebelum pembinaan bonggol dilakukan, pemandu-pemandu yang menggunakan jalan tersebut sering dilihat membawa kenderaan mereka secara melulu tanpa menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Di samping itu, pihak Majlis juga telah memasang lampu isyarat yang terletak tidak jauh dari persimpangan yang dimaksudkan. Cadangan pengadu untuk membina lampu isyarat di kawasan tersebut adalah tidak relevan di mana, dalam jarak 50 meter dari kawasan berkenaan telah pun mempunyai satu lampu isyarat.

Keadaan ini akan menjadikan aliran trafik di kawasan tersebut akan bertambah sesak jika satu lagi lampu isyarat dibina di persimpangan di PJS 8/5 dan PJS 8/8 ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjadikan kawasan ini sebagai salah satu kawasan kajian lalulintas dan beberapa cadangan telah diusulkan untuk mengurangkan tahap kesesakan dan mengelak berlakunya kemalangan. Antara cadangan yang sedang diteliti ialah, di tengah-tengah persimpangan di PJS 8/5 dan PJS 8/8 ini akan dibina pembahagi jalan dan menjadikan kawasan persimpangan itu sebagai jalan dua hala sahaja.

Keadaan ini dilihat mampu untuk mengurangkan kesesakan laulintas di kawasan itu dan cadangan ini juga sedang diteliti dengan lebih halus untuk memastikan segala perancangan yang diatur tidak membebankan orang ramai dan pihak Majlis juga akan sentiasa memperbaiki segala kesulitan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Sekretariat Media,  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,  
[ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)